



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Sabah, Sarawak Tidak Terkecuali Dalam PRIHATIN

☐ Jumaat, Mac 27 2020☐ ☐

PUTRAJAYA, 27 Mac -- Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri, khususnya di Sabah dan Sarawak, bagi memastikan semua bantuan seperti diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang disediakan kerajaan sampai dengan cepat.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau menyedari mereka yang berada di rumah panjang di Sarawak, petempatan orang asal serta kawasan yang jauh di pedalaman di segenap ceruk rantau negara ini mungkin bimbang bantuan yang disediakan kerajaan lambat sampai.



"Untuk itu, Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri, khususnya di Sabah dan Sarawak, untuk pastikan semua bantuan yang disediakan oleh kerajaan sampai dengan cepat," katanya ketika mengumumkan pakej rangsangan itu bernilai RM250 bilion, yang turut disiarkan menerusi televisyen hari

Muhyiddin berkata selain memastikan aktiviti ekonomi negara berterusan, kerajaan akan memberi tumpuan kepada aktiviti pelaburan domestik yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan mengekalkan pekerjaan.

Jelasnya untuk tujuan itu, kerajaan mengenal pasti beberapa projek kecil seperti menambah baik jalan, menaik taraf sekolah daif di Sabah dan Sarawak, membersihkan rumah ibadat dan balai polis, serta meningkatkan kemudahan pelancongan yang akan memanfaatkan kontraktor kelas G1 hingga G4.

"Bagi tujuan ini, peruntukan sebanyak RM2 bilion akan disediakan," katanya.

Muhyiddin berkata pada masa sama, projek kecil bernilai RM2 bilion yang diumumkan dalam pakej sebelum ini akan mula dilaksanakan pada April 2020.

Beliau berkata ini termasuk projek infrastruktur di kawasan FELDA dan lain-lain yang bernilai RM600 juta, projek membaik pulih sekolah daif di Sabah dan Sarawak bernilai RM350 juta dan projek membaik pulih perumahan rakyat termiskin bernilai RM150 juta.

-- BERNAMA



☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian



Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro



e-Penyertaan <
&
Maklumbalas



Statistik & <
Prestasi



Pautan <



Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data